

KESIMPULAN

Kajian ini adalah satu usaha untuk memahami pola-pola politik yang muncul di Brunei khasnya selepas Perang Dunia Kedua sehingga Brunei mencapai kemerdekaan di awal 1984 dan seterusnya sehingga 1986. Dalam jangka waktu ini muncul beberapa proses dan gerakan yang berkait rapat dengan kemajuan Brunei ke arah menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Jika dilihat dari segi perspektif politik dalaman, aliran-aliran ini dipimpin oleh beberapa pihak khususnya pihak monarki, golongan nasionalis dan British sendiri. Selain daripada itu faktor luaran juga penting mempengaruhi gerakan aliran-aliran ini. Peristiwa-peristiwa pokok yang timbul dalam tempoh ini adalah usaha untuk menamatkan sistem Residen supaya kuasa dapat diberikan kepada pihak Brunei, perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan, mempertahankan identiti Brunei dan isu siapa yang akan memerintah sama ada golongan monarki atau nasionalis. Terdapat beberapa tahap yang tertentu dapat dilihat dalam jangka waktu ini yang mana tiga pelaku yang utama iaitu golongan-golongan monarki, nasionalis dan British cuba mempertahankan keperluan dan hasrat masing-masing. Pola-pola yang timbul dalam tempoh ini ialah usaha gigih golongan monarki untuk memperolehi kuasa dalam kerajaan. Tahap-tahap yang tertentu inilah yang dibincangkan dan dianalisa dengan tumpuan khas kepada tema utama, iaitu bagaimana golongan monarki dapat mengatasi cabaran-cabaran tertentu dalam setiap tahap dan akhirnya muncul sebagai kuasa yang terulung di Brunei sehingga berjaya mencapai kemerdekaan di bawah kerajaan monarki.

Selepas Perang Dunia Kedua, gerakan-gerakan nasionalisme untuk menuntut kemerdekaan di kalangan rakyat negeri-negeri di Asia Tenggara telah bermula. Pihak British pula mahu mengundurkan diri dan mahu memberi kemerdekaan kepada negeri-negeri di bawah jajahannya. Sultan Omar Ali Saifuddien III, mula mengambil kesempatan ini untuk menuntut supaya Brunei diberi taraf berkerajaan sendiri. Untuk mempercepatkan proses tuntutan tersebut, baginda telah mengubal sebuah perlembagaan supaya kuasa diberikan kepada baginda membolehkan sistem monarki dapat dikukuhkan. Pada masa yang sama, pihak British mahu supaya sistem yang lebih demokratik dilaksanakan. Oleh kerana tuntutan Sultan Omar Ali Saifuddien III bertentangan dengan dasar British menyebabkan tuntutan baginda telah ditolak. British tidak mahu kuasa sepenuhnya diberi kepada Sultan kerana itu British mencadangkan perlunya kuasa Sultan diimbangi melalui wakil-wakil rakyat. Ini bermakna, British mahukan supaya sistem pemerintahan demokrasi dilaksanakan di Brunei. Pengaruh dari gerakan nasionalisme yang melanda Asia Tenggara telah munculkan gerakan nasionalis di Brunei yang diwakili oleh Parti Rakyat Brunei. Parti ini juga mahu menuntut kemerdekaan menerusi sistem demokrasi. Kemunculan Parti Rakyat Brunei yang membawa idea-idea demokrasi tidak disetujui oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III. Ini menunjukkan bermulanya tahap pertama apabila baginda mula berhadapan dengan dua cabaran iaitu British dan golongan nasionalisme.

Pada peringkat awal perjuangan, Sultan Omar Ali Saifuddien III terpaksa berhadapan dengan British dan Parti Rakyat Brunei. Pihak British mengancam

hanya akan memberikan kerajaan sendiri sekiranya bersedia mengenalkan sistem demokrasi, semantara Parti Rakyat Brunei mahu bersaing dengan Sultan Omar Ali Saifuddien III menamatkan sistem Residen dan seterusnya mendapatkan kuasa memerintah. Oleh kerana baginda tidak merelakan kuasa diberikan kepada rakyat, Sultan Omar Ali Saifuddien III setuju menerima cadangan British. Baginda beranggapan dengan memperolehi semula kuasa melalui sebuah perlembagaan kedudukan baginda sudah cukup kukuh kerana kuasa di tangan baginda. Apabila Perlembagaan 1959 diluluskan, baginda telah terperangkap kerana perlu mengadakan pilihan raya untuk memilih wakil-wakil rakyat. Ini memberi peluang untuk Parti Rakyat Brunei cuba memperolehi kuasa. Walaupun Parti Rakyat Brunei memenangi semua kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya pada 1962 Sultan Omar Ali Saifuddien enggan menyerahkan kuasa. Oleh kerana Parti Rakyat Brunei gagal mendapatkan kuasa berdasarkan undang-undang, mereka mula mengubah strategi perjuangan dengan melancarkan pemberontakan. Parti Rakyat Brunei beranggapan hanya dengan pemberontakan kuasa akan diperolehi. Tindakan Parti Rakyat Brunei ini menampakkan tindakan yang kurang bijak kerana pemberontakan telah dijadikan perangkap untuk mengharamkan parti ini. Dengan cara ini juga undang-undang darurat dapat diisyiharkan. Dengan pengharaman Parti Rakyat Brunei dan undang-undang darurat maka kedudukan monarki semakin kukuh dari cabaran dalaman kerana menerusi undang-undang darurat ini juga aktiviti-aktiviti politik dapat dihadkan.

Kegagalan Sultan Omar Ali Saifuddien III memberi kuasa kepada rakyat menyebabkan sistem monarki sekali lagi mendapat cabaran British dengan mencadangkan supaya Brunei memasuki Persekutuan Malaysia dengan alasan demi mengukuhkan dan keselamatan Brunei. Sebenarnya cadangan ini adalah satu cara untuk memberi kuasa kepada rakyat kerana Perlembagaan Persekutuan mengenalkan demokrasi berparlimen. Ini membolehkan kuasa Sultan akan dicabar. Sultan Omar Ali Saifuddien III mengetahui rancangan ini dan menolak untuk menyertai persekutuan itu kerana kedudukan baginda tidak selamat. Baginda telah memberi keputusan tidak menyertai Persekutuan Malaysia kerana tidak setuju dengan syarat, kedudukan dan pengawalam ekonomi ke atas ekonomi Brunei. Akhirnya Brunei terpaksa hidup cara bersendirian.

Dari 1963-1967, sistem monarki terus menerima cabaran apabila British mahu mengundurkan diri dari Brunei dan memaksa Sultan Omar Ali Saifuddien III membentuk demokrasi. Parti Barisan Kemerdekaan Rakyat (BAKER) mula mencabar dan mendesak Sultan Omar Ali Saifuddien III supaya melaksanakan dasar tersebut. Barisan Kemerdekaan Rakyat juga gagal untuk mendesak Sultan Omar Ali Saifuddien III kerana kedudukan baginda semakin kukuh. British terus memaksa dan mengancam akan melepaskan tanggungjawabnya kepada Brunei. Tetapi Sultan Omar Ali Saifuddien III mahu terus mengikat British dalam jangka waktu yang lebih panjang. Baginda cuba menghalang ancaman British dengan mengambil keputusan untuk turun takhta. Taktik menyerahkan kuasa ini tanggapan baginda satu cara untuk mengatasi desakan yang dihadapi. Baginda beralasan pengganti baginda, Sultan Hassanal Bolkiah belum cukap

matang untuk menjalankan pentadbiran dan perlu bimbingan untuk memimpin negara serta keselamatan Brunei yang belum terjamin. Dengan cara ini Paduka Seri Begawan dapat mengawal keadaan dengan berada di belakang tahta (*power behind the throne*).

Sultan Hassanal Bolkiah terus melanjutkan usaha ayahanda baginda untuk mengukuhkan sistem monarki. Baginda mula mengubah dasar mengasingkan diri kepada dasar diplomasi untuk berbaik-baik dengan negara-negara luar terutama negara jirannya. Baginda mula meningkatkan populariti baginda di kalangan rakyat Brunei dengan melanjutkan Brunei sebagai negara kebajikan. Menerusi negara kebajikan inilah baginda mendapat sokongan rakyat. Baginda terus melancarkan program-program pembangunan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Memberi kemudahan-kemudahan sosial terutama di bidang pendidikan dengan memberikan pelajaran percuma serta kemudahan belajar keluar negeri, mengadakan latihan-latihan kepada pegawai-pegawai kerajaan menerusi Skim Latihan Dalam Perkhidmatan membolehkan rakyat mendapat kemahiran supaya lebih produktif. Baginda juga menggunakan kekayaan negara untuk memenuhi keperluan rakyat serta meningkatkan kesejahteraan rakyat. Di samping itu baginda juga terus mendapatkan khidmat askar Gurkha untuk mengawal keselamatan monarki. Inilah alat-alat yang telah digunakan oleh Sultan Hassanal Bolkiah supaya rakyat menerima sistem ini .

Sultan Hassanal Bolkiah juga telah menggunakan pengaruh dan kuasa British untuk mengukuhkan sistem ini dengan memelihara hubungan antara

kedua pihak menerusi perjanjian-perjanjian. Perjanjian-perjanjian yang ditanda tangani antara kedua pihak pada 1971 dan 1979 telah dijadikan alat oleh baginda untuk melindungi monarki. Menerusi perjanjian ini juga Brunei berjaya meneruskan *survival* politiknya. Di dalam perjanjian-perjanjian tersebut British telah berjanji akan terus melindungi Sultan Hassanal Bolkiah dan kerabat-kerabat baginda dari sebarang ancaman luar kerana Brunei menyerahkan soal keselamatan luarnya di bawah pengurusan British. Dengan adanya perlindungan ini juga telah mengurangkan desakan dan tuntutan-tuntutan untuk mencabar sistem monarki.

Kekayaan yang dimiliki oleh Brunei juga merupakan sebagai alat kekuahan sistem ini. Dengan kemampuan kewangan ini telah memberikan satu jaminan kepada Brunei untuk keselamatan dan kestabilan kerana menerusi kekayaan ini Sultan Hassanal Bolkiah boleh mempengaruhi mana-mana negara atau institusi yang memerlukan bantuan kewangan untuk terus menyokong sistem ini. Menerusi kekayaan ini juga baginda boleh membeli musuh-musuh baginda yang cuba menentang dan mencabar kekuahan sistem ini. Kekayaan inilah juga negara-negara jiran dan antarabangsa menyambut baik dan menyokong sistem ini apabila Brunei mencapai kemerdekaannya pada 1984 apabila pembesar-pembesar luar negara mengucapkan tahniah di upacara pengisytiharan kemerdekaan Brunei. Semasa menyambut hari kebangsaan yang pertama pada 23 Februari 1984, ramai pemimpin dunia menghadiri upacara tersebut. Ini membuktikan sistem monarki telah diterima oleh masyarakat antarabangsa.

Dalam era kemerdekaan, Sultan Hassanal Bolkiah telah mengambil kuasa-kuasa kabinet. Bagi mengawal kekuahan ini, baginda juga telah melantik kerabat-kerabat diraja untuk memenuhi beberapa kementerian. Tujuannya untuk mengawal setiap usaha yang cuba mencabar sistem ini. Baginda juga meneruskan Brunei sebagai negara kebajikan. Untuk mengikat kesetiaan rakyat kepada raja falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) telah diperkenalkan. Falsafah ini telah dijadikan alat politik untuk menghindarkan sebarang usaha untuk menentang baginda dan kerabat-kerabat baginda. Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) telah berjaya meningkatkan kesetiaan rakyat kepada Sultan dan negara.

Dalam mengurangi tekan dan cabaran, undang-undang darurat diteruskan. Ini membolehkan kegiatan-kegiatan politik yang negatif terus terkawal. Syarat-syarat untuk menubuhkan parti-parti politik juga dihadkan supaya aktiviti-aktiviti parti-parti dapat dikawal. Jika parti-parti politik ini terus bergiat ia bukan saja menjadi ancaman keselamatan kepada negara malah kedudukan Sultan kerana kemunculan parti-parti politik ini akan menimbulkan bahaya dalam sebuah negara yang kecil seperti Brunei dengan jumlah penduduknya yang sedikit.

Mempelbagaikan ekonomi melalui Rancangan Kemajuan Negara, telah meningkatkan sokongan rakyat untuk terus menyokong sistem ini. Memberi keutamaan pembangunan fizikal dan kerohanian telah menghayalkan rakyat akan terus berada di bawah pemerintahan monarki. Sikap bertanggungjawab dikalangan pemimpin negara kepada rakyat dapat mengajak rakyat berfikir yang

sistem yang ada sekarang adalah lebih baik dari sistem-sistem politik yang lain. Selain itu, Rancangan Kemajuan Negara ini juga telah menamatkan karier politik di kalangan pemimpin-pemimpin parti untuk menceburkan diri dibidang perniagaan apabila Rancangan Kamajuan Negara ini memberi peluang kepada rakyat menyertai kegiatan ekonomi. Sebelum ini Brunei hanya bergantung kepada perusahaan minyak yang dikendalikan oleh syarikat asing.

Kepakaan dan prihatin Sultan Hassanal Bolkiah kepada rakyat menerusi program melawat kampung-kampung dan jabatan-jabatan kerajaan merupakan alat yang paling berkesan mengukuhkan kedudukan baginda. Baginda memberi peluang kepada rakyatnya untuk menyatakan secara terbuka masalah yang dihadapi. Baginda sentiasa menerima aduan-aduan rakyat supaya tindakan yang berkesan akan dapat diambil. Selain itu, program ini juga dijadikan ukuran sejauhmana pembangunan yang dirancang dilaksanakan. Hubungan yang berterusan di antara Sultan dengan rakyat ini semata-mata untuk meningkatkan sokongan rakyat kepada pemerintahan baginda.

Perhubungan yang baik di antara Brunei dengan negara-negara jiran dan kemudiannya menjadi ahli dalam kesatuan serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, Persekutuan Persidangan Islam (OIC), Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bukan hanya dilihat kepada penyertaan Brunei dalam kesatuan tersebut tetapi yang paling penting soal pengiktirafan. Menerusi kesatuan-kesatuan inilah Brunei mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa sebagai sebuah pemerintahan monarki. Menerusi pengiktirafan

ini juga telah mengukuhkan sistem ini walaupun mendapat cabaran dari Brunei National Democratic Party (BNDP) sebuah parti yang baru muncul awal tahun 1985. Parti ini telah mendesak kerajaan memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi. Cabaran ini tidak membimbangkan Sultan Hassanal Bolkiah kerana kedudukan baginda sudah kukuh. Parti ini telah gagal kerana tidak mendapat sokongan rakyat. Rakyat senang di bawah sistem monarki.

Pada keseluruhannya, tempoh 1950-1986, menampakkan bagaimana proses ke arah mengukuhkan sistem monarki dilaksanakan dan bagaimana kebijaksanaan dan kewibawaan pemimpin-pemimpin Brunei berjaya menghadapi cabaran dan ancaman tersebut sehingga sistem ini dapat mewujudkan kestabilan politik sehingga tidak ada lagi cabaran-cabaran seperti yang berlaku pada 1950-an dan 1960-an. Kestabilan dan keupayaan sistem ini menangani masalah dalaman menyebabkan pihak British cukup yakin untuk memberikan kemerdekaan kepada Brunei tanpa memberi syarat supaya diwujudkan sistem demokrasi berparlimen. Keupayaan Brunei ini juga telah meyakinkan negara jiran dan antarabangsa sehingga Brunei mendapat pengiktirafan antarabangsa dan menjadikannya Brunei sebagai sebuah sistem pemerintahan monarki yang bercorak moden. Sistem ini bukan saja dapat dilihat berjaya memberi kesejahteraan kepada rakyat Brunei malah melegitimaskan identiti, maruah dan kedaulatan Brunei sebagai kuasa terulung dalam sistem politik Brunei dan juga di Asia Tenggara yang pernah mengamalkannya sebelum kedatangan orang-orang Barat apabila diterima menjadi anggota dalam kesatuan-kesatuan antarabangsa.